

**GARIS PANDUAN IBU BAPA / TETAMU / WARIS GRADUAN**  
**MAJLIS GRADUASI FLEX 2024**  
**POLITEKNIK METRO TASEK GELUGOR**

**Majlis Graduasi Flex 2024** akan diadakan pada **ketetapan berikut**;

TARIKH	MASA	TEMPAT
<b>17.08.2024</b> <b>(Sabtu)</b>	<b>2.00 ptg</b>	<b>Dewan Seri</b> <b>Mutiara, Politeknik</b> <b>Seberang Perai</b>

Sehubungan itu, dipohon kerjasama para graduan untuk mengambil tindakan- tindakan berikut. Sila baca dengan teliti panduan dan peraturan yang telah digariskan.

### **1.0 JEMPUTAN IBU BAPA / TETAMU / WARIS GRADUAN**

- 1.1 Bilangan ibu bapa / tetamu atau waris graduan yang dibenarkan masuk ke dalam dewan Majlis Graduasi adalah **seramai DUA (2) orang sahaja** bagi setiap graduan.
- 1.2 Kanak-kanak dibawah umur 12 tahun **TIDAK DIBENARKAN** masuk ke dewan.
- 1.3 Ibu bapa / tetamu / waris graduan perlu berpakaian rasmi dan sopan semasa berada di dalam dewan Majlis Graduasi.
- 1.4 Ibu bapa / tetamu / waris graduan perlu berada di dewan Majlis Graduasi selewat-lewatnya pada pukul **2.00 petang**. Pintu masuk dewan akan ditutup 30 minit sebelum majlis bermula bagi melancarkan majlis.
- 1.5 Ibu bapa / tetamu / waris graduan perlu menunjukkan **pas masuk** Majlis Graduasi Flex 2024 untuk masuk ke dalam dewan.

### **2.0 ETIKA PAKAIAN**

#### **2.1 Pakaian Tetamu Lelaki**

- i. Baju Kebangsaan, atau
- ii. Batik, atau
- iii. Lounge Suit, atau
- iv. Pakaian Rasmi yang sesuai (seluar *jeans* dan kemeja-T **TIDAK DIBENARKAN**).

## 2.2 Pakaian Tetamu Wanita

- i. Baju Kebangsaan atau
- ii. Pakaian Rasmi atau pakaian sopan (pakaian gaun atau *skirt* melebihi paras lutut, blouse tanpa lengan, kemeja-T, dan seluar adalah **TIDAK DIBENARKAN**)



### PERINGATAN

1. Ibu bapa / tetamu / waris graduan diminta untuk menghormati majlis yang sedang berlangsung dengan tidak membuat bising atau mengganggu keharmonian majlis.
2. Ibu bapa / tetamu / waris graduan juga **DILARANG** meninggalkan dewan semasa majlis Graduasi sedang berlangsung.
3. Ibu bapa / tetamu / waris graduan adalah dinasihatkan supaya bersarapan pagi sebelum memasuki dewan. Majlis Graduasi dijangka akan mengambil masa yang agak lama untuk selesai.